



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

KEANGGOTAAN KESATUAN PEKERJA MELEBIHI 1 JUTA: PETANDA KESEDARAN HAK PEKERJA SEMAKIN MENINGKAT

Putrajaya, 3 Jun 2025 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) hari ini mengumumkan bahawa jumlah ahli kesatuan sekerja di Malaysia kini telah melebihi 1 juta orang, iaitu seramai 1,038,435 ahli berdaftar sehingga tahun 2024, melibatkan 762 kesatuan berdaftar di seluruh negara.

Peningkatan ini menunjukkan trend positif terhadap kesedaran pekerja untuk menyertai kesatuan dan mendapatkan perlindungan serta suara dalam memperjuangkan hak pekerjaan mereka.

Daripada jumlah itu, 500 kesatuan berada dalam sektor swasta melibatkan 411,520 ahli. Namun begitu, hanya 240 kesatuan mempunyai Perjanjian Kolektif yang memanfaatkan 67,644 pekerja, satu angka yang masih perlu ditambah baik.

YB Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia berkata:

“Angka ini mencerminkan keyakinan yang semakin tinggi dalam kalangan pekerja terhadap fungsi kesatuan. Kementerian akan terus memastikan gerakan ini diperkukuh dengan sokongan dasar, latihan dan dana seperti menerusi PHEKS.”

Beliau turut menegaskan bahawa kerajaan menerusi KESUMA dan JHEKS sedang melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk Kad Pekerja MADANI bagi memastikan hak dan suara pekerja terus dihormati dalam pembangunan negara.

TAMAT

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

3 JUN 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	